

18 AUG 1997

KIRA-KIRA 2,000 PENDUDUK PERLIS SERTAI LARIAN BENDERA

PADANG BESAR, 18 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting hari ini memulakan acara Larian Bendera sempena hari kebangsaan di sini.

Kedua-dua pemimpin itu bersama anggota-anggota exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan memulakan larian di tempat letak kereta Kompleks Imigresen Padang Besar sehingga sejauh tiga kilometer.

Para peserta larian seterusnya akan membawa bendera secara bergilir-gilir bagi setiap satu kilometer dan mereka dijangka tiba di sempadan Perlis/Kedah petang ini untuk menyerahkan bendera berkenaan kepada para pelari dari negeri Kedah.

Sebanyak 11 pelari akan membawa bendera bagi setiap kilometer tetapi mereka boleh diiringi ratusan penduduk tempatan sebagai membuktikan semangat patriotik mereka.

Sepanjang larian itu, mereka diiringi anggota polis, anggota Jabatan Pertahanan Awam dan ambulans.

Ong berkata larian bendera sejauh 4,600 kilometer itu bermula di tiga kawasan -- Sabah dan Sarawak bagi mewakili kawasan selatan, Rantau Panjang (Pantai Timur) dan Padang Besar (Utara).

Kira-kira 50,000 pelari dijangka terlibat dalam larian itu sehingga bendera diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka pada pukul 12 malam 30 Ogos ini.

-- BERNAMA

AD RON